



UiTM KAMPUS MACHANG
DIPLOMA PERAKAUNAN 05

RANCANGAN PERNIAGAAN
(ETR 300)

SWEET FLORIST ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK;
EN. HALIM SHUHAIMI BIN YEOP JOHARI

TARIKH PENYERAHAN:
MAC 2000

SENARAI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Logo
- 1.2 Latar Belakang Perniagaan
- 1.3 Latar Belakang Ahli Kongsi

2.0 PENTADBIRAN

- 2.1 Pengenalan Pentadbiran
- 2.2 Pelan Lokasi
- 2.3 Pelan Bahagian Pentadbiran
- 2.4 Carta Organisasi
- 2.5 Tenaga Kerja
- 2.6 Spesifikasi Tugas
- 2.7 Imbuhan Balas Jasa
 - 2.7.1 Skim Insentif Pekerja
- 2.8 Keperluan Pejabat
- 2.9 Perbelanjaan Pentadbiran

3.0 PEMASARAN

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Produk yang ditawarkan
- 3.3 Sasaran Pasaran
- 3.4 Saiz Pasaran
- 3.5 Pesaing-pesaing utama
- 3.6 Ramalan Jualan
- 3.7 Strategi Pemasaran
- 3.8 Tenaga Kerja

1.0 PENGENALAN

Berdasarkan kepada keadaan persekitaran dan ekonomi semasa yang semakin baik, menjanjikan satu kemajuan dalam sektor perusahaan pemprosesan bunga. Kami sebagai sebahagian daripada kaum bumiputera berasa bertanggungjawab untuk menceburkan diri dalam bidang ini. Ini disebabkan kurangnya pesaing-pesaing bumiputera dalam sektor ini. Di samping itu permintaan terhadap barangan yang berasaskan sumber alam ini semakin mendapat tempat di hati pelanggan.

Walaupun bidang ini telah lama diceburi, namun perusahaan dan pemprosesan bunga dari daun getah masih lagi mengikut kaedah tradisional yang tidak sistematik dan tidak teratur. Pasarannya juga terhad kerana kurangnya promosi dan bermacam masalah seperti kekurangan modal dan sumber kerana diusahakan secara kecil-kecilan. Mutu dan ketahanan bunga dari daun getah yang dibuat secara tradisional jelas tidak memenuhi standard dan kehendak pelanggan. Justeru itu kami berasa amat penting untuk menubuhkan tempat perusahaan dan pemprosesan yang memenuhi piawaian

1.2 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

1. Landasan Dalam Permohonan Pinjaman

Menjadikan satu landasan dalam permohonan pinjaman daripada institusi kewangan sebanyak RM20 000. Pinjaman yang dipohon adalah untuk dijadikan modal serta pembelian aset, kos penyelenggaraan serta gaji pekerja.

2. Gambaran Perniagaan

Sebagai suatu gambaran mengenai daya maju perniagaan kami. Selain itu, sumber-sumber keperluan dapat dianggarkan agar tidak berlaku pembaziran dalam pengoperasian perniagaan.

3. Panduan Rujukan dan Maklumat

Rancangan Perniagaan ini merupakan dokumen untuk dijadikan panduan sebagai rujukan dan maklumat kepada pihak-pihak yang berurusan dengan sektor perusahaan dan pemprosesan bunga yang berasaskan sumber daripada daun getah.

4. Panduan Kawalan Aliran Keluar Masuk Wang

Sebagai panduan untuk mengawal aliran keluar masuk wang semasa perniagaan Sweet Florist Enterprise ini beroperasi. Oleh itu, segala aliran wang dan keuntungan perniagaan dapat dikesan semasa perniagaan dijalankan.

5. Pernilaian Perniagaan

Rancangan perniagaan ini amat perlu kepada kami bagi melihat dan menilaikan perniagaan secara objektif, kritikal dan preaktikal serta menghalakan ke arah mana perniagaan kami harus dimajukan.

Secara jelasnya, Rancangan Perniagaan ini merupakan sebagai satu alternatif yang baik untuk memulakan perniagaan yang bakal direalisasikan. Lebih-lebih lagi ia memberi peluang untuk membuat dan menilai perniagaan sama ada apa yang dijalankan sehala dengan perancangan di dalam Rancangan Perniagaan. Maka dengan ini, segala masalah, kelemahan dan kekurangan akan dapapt diminimumkan dan diperbaiki dengan adanya Rancangan Perniagaan.